



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 30 Mac 2023

PEKELILING AKADEMIK BIL. 8/2023

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 21 APRIL 2023 DAN 25 APRIL 2023
- SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI**

Dengan hormatnya, perkara tersebut di atas adalah dirujuk dan Perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut pada 22 hingga 24 April 2023.

2. Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan berhubung perkara berikut kepada semua pelajar pada **21 April 2023 (Jumaat)** dan **25 April 2023 (Selasa)** sebagai **tambahan cuti** kepada cuti umum Hari Raya Aidilfitri bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut:

- i. Memberikan pelepasan kuliah dan aktiviti P&P; dan
- ii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

3. Bagi para pelajar yang menghadapi kesukaran mendapatkan tiket pulang ke kampus selepas bercuti untuk menghadiri kuliah, disarankan dapat berbincang dengan para pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah lain yang bersesuaian.

4. Pihak Universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman sama ada menaiki pengangkutan awam, memandu atau menunggang kenderaan. Semoga semuanya selamat sampai ke destinasi yang dituju dan pulang kembali semula ke kampus kelak.

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

'Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri'

Sekian.

Yang benar,



PROF. DR. MOHAMMAD BIN KASSIM

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik), Pusat Pengurusan Akademik, UKM

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my